



JABATAN KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR)
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (59)
Tarikh : 12 Disember 2024

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato'/YBhg. Dato'/YAA/Dr./Ir./Tuan/Puan,

**PERATURAN BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2024 KEPADA
ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah bersetuju meluluskan bayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) Tahun 2024 kepada semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri sebanyak **setengah bulan gaji atau minimum RM1,000.00**. Pemberian BKK Tahun 2024 adalah seperti mana **Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 6 Tahun 2024** rujukan **PSUKPP/01/0755/6 (31)** bertarikh **12 Disember 2024**.

3. Ketua Jabatan dikehendaki mematuhi tatacara pembayaran BKK seperti berikut:

a) Pembayaran Melalui Sistem Berkomputer (iSPEKS)

- i. Cetak Laporan G004 (Senarai Edit Pembayaran – Bayaran Khas Kewangan;
- ii. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 6 Tahun 2024;
- iii. Kemas kini data sebenar ke dalam sistem iSPEKS;

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (39)
Tarikh : 12 Disember 2024

- iv. Sahkan Laporan G004 yang telah dikemas kini dengan kenyataan berikut; dan

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pindaan yang dibuat adalah tepat dan betul. Sekiranya terdapat lebihan/kurangan, jabatan ini bertanggungjawab untuk membuat pelarasan sewajarnya”.

.....
(Tandatangan & Cop Jabatan)

- v. Pastikan tindakan a(i) hingga a(iv) dilaksanakan mulai **12 Disember 2024** dan laporan yang telah disahkan hendaklah dikemukakan ke Unit Gaji, Bahagian Pengurusan Perakaunan (Bendahari Negeri) pada **13 Disember 2024** sebelum jam **5.00** petang.

b) Pembayaran Melalui Arahan Bayaran

- i. Semak dan kenal pasti kelayakan pegawai berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 6 Tahun 2024; dan
- ii. Sediakan Arahan Bayaran melalui Modul Akaun Belum Bayar dengan melampirkan salinan Penyata Perubahan Mengenai Pendapatan seseorang pegawai (Kew. 8) sebagai dokumen sokongan.

c) Kod Akaun

Kod Akaun yang perlu digunakan bagi bayaran BKK adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Awam
B0229306	Bantuan Khas Kewangan – Kakitangan Kerajaan & Pekerja Sambilan Serta Tidak Menyandang Jawatan Tetap

Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld.4 (39)
Tarikh : 12 Disember 2024

4. Tarikh pembayaran BKK Tahun 2024 adalah pada **20 Disember 2024**. Pembayaran BKK menjadi tanggungan jabatan mengikut pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran atau jabatan terakhir pegawai berkhidmat.

5. Ketua Jabatan bertanggungjawab untuk memastikan bayaran BKK dibuat kepada pegawai yang layak selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 6 Tahun 2024. Penyata Kew. 8 hendaklah disediakan dan bayaran BKK hendaklah direkodkan di dalam buku perkhidmatan pegawai.

6. Kementerian Kewangan melalui surat rujukan MOF.TAX(S)700-3/1/809 (3) bertarikh 9 April 2024 telah bersetuju **meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas Bantuan Khas Kewangan (BKK) terhad sehingga RM2,000.00 sahaja**. Pemberian BKK yang diberi **pengecualian ini adalah termasuk pembayaran BKKA yang telah diberikan pada Mac 2024**. Untuk makluman, bayaran BKK/BKKA yang diproses melalui Modul Gaji akan dilaporkan sebagai pendapatan yang tidak bercukai dalam Laporan Penyata Pendapatan Tahunan Individu. Sehubungan dengan itu, **adalah menjadi kewajipan setiap pegawai untuk mengisytiharkan lebihan BKK sebagai pendapatan bercukai**. Surat JKNPP/03/07/1 Jld.4 (25) bertarikh 27 Mei 2024 adalah berkaitan.

7. Kerjasama dan perhatian pihak YB Dato'/YBhg. Dato'/YAA/Dr./Ir./Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"

Saya yang menjalankan amanah,


(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN c.a.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri

Pulau Pinang

☎ : 604-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

s.k. : YB Pegawai Kewangan Negeri